

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

Terma dan Syarat yang dipinda untuk Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23) untuk menggantikan Terma dan Syarat yang sedia ada berkuat kuasa dari 24 Oktober 2022.

- Klausula 4.1c telah diubah dengan huruf biru untuk menunjukkan perubahan Prioriti Borang Rujukan Dalam Talian untuk Kempen ini.

PERINGATAN: Ahli yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan sebarang terma dan syarat terkini (sekiranya ada) di mana yang akan tersedia di www.ambank.com.my. Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat yang dikemaskini (jika ada), Pelanggan yang Layak dinasihati untuk berbincang dengan wakil yang sah.

1 Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Bank**” adalah merujuk kepada **AmBank (M) Berhad** [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada “**Kempen Ahli Dapatkan Ahli untuk Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB)**” yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

“**Aset Di Bawah Pengurusan**” adalah merujuk kepada ABP termasuk Akaun Simpanan + Akaun Semasa + Deposit Tetap (DT) + pelaburan tetapi tidak termasuk Bancassurance.

“**Pelanggan Baru Prioriti**” merujuk kepada mestilah bukan ahli sedia ada AmSPB enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

Istilah “**Syarikat Bersekutu**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang termasuk mana-mana perbadanan yang mana syarikat tersebut memegang tidak kurang daripada dua puluh peratus tetapi tidak lebih daripada lima puluh peratus daripada saham dengan hak mengundi atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, di mana terpakai. Istilah “**Syarikat Berkaitan**” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditentukan baginya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi syarikat pemegang atau sebuah subsidiari atau subsidiari kepada syarikat pemegang kepada syarikat pertama.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen akan **bermula pada 1 Oktober 2022 dan berakhir pada 31 Mac 2023**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan memberi Notis Terdahulu.

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

3 Perujuk yang Layak

- 3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan AmBank (“**Perujuk**”) yang berjaya merujuk Ahli Baharu (“**Orang Yang Dirujuk**”) kepada AmSPB dan Perujuk hendaklah memenuhi syarat yang berikut:
- a. Merupakan Pemegang Akaun Utama;
 - b. Telah memenuhi dan menyerahkan borang rujukan (rujuk kepada Klausula 4.1.c)

4 Mekanik Kempen

- 4.1 Butiran Kempen adalah seperti yang ditetapkan di bawah:
- a. Perujuk hendaklah berjaya merujuk Orang Yang Dirujuk untuk layak mendapat ganjaran, tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan di sini.
 - b. Perujuk adalah layak untuk mendapat hadiah ganjaran bagi setiap rujukan yang berjaya (rujuk kepada Klausula 4.2) (“**Ganjaran**”).

Bilangan rujukan yang berjaya	Ganjaran
<p>Setiap rujukan yang berjaya mesti memenuhi minimum Aset Di Bawah Pengurusan (ABP) sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) pada tamat Tempoh Kempen dengan syarat:</p> <p>1. Membuat transaksi/melanggani apa-apa Produk Pengurusan “Wealth” semasa Tempoh Kempen</p>	<p>Satu (1) unit Y3.3 iperEspresso Machine atau</p> <p>Satu (1) x Ganjaran Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350)</p> <p>bagi setiap rujukan yang berjaya</p>

Nota: Perujuk boleh memilih untuk memberi Ganjaran Hadiah kepada pertubuhan amal AmBank terpilih bagi menyokong inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Takbir Urus dengan nilai sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh (RM450).

- c. Untuk melayakkan diri bagi Kempen ini, Perujuk hendaklah memberikan nama dan nombor telefon potensi Orang yang Dirujuk kepada Bank dalam Tempoh Kempen dengan melengkapkan Borang Rujukan Ahli Dapatkan Ahli (“**Borang Rujukan**”):
 - 4.1.1 Di mana-mana cawangan Bank
 - 4.1.2 Pengurus Perhubungan Bank
 - 4.1.3 Prioriti Borang Rujukan Dalam Talian di www.ambank.com.my/mgm
- 4.2 Setiap rujukan adalah dianggap berjaya sekiranya semua kriteria di bawah telah dipenuhi, tertakluk pada terma dan syarat di dalam ini (“**Rujukan Berjaya**”):
- a. Orang yang Dirujuk mestilah bukan ahli sedia ada AmSPB enam (6) bulan sebelum Tempoh Kempen.
 - b. Orang yang Dirujuk mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.
 - c. Orang yang Dirujuk mestilah seorang ahli baharu AmSPB yang telah mendaftar untuk keahlian AmSPB dengan mengekalkan Aset Di Bawah Pengurusan (ABP) minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) pada tamat Tempoh Kempen dengan syarat:
 - i. Membuat transaksi/melanggani apa-apa Produk Pengurusan “Wealth” semasa Tempoh Kempen.

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

- d. Produk Pengurusan “Wealth” yang Layak (“**Product yang Layak**”) di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
 - i. Amanah Saham
 - ii. Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (ASNBV)
 - iii. Bon
 - iv. Produk Berstruktur
 - v. “Dual Currency Investment”
 - vi. “Bancassurance”
 - e. Bagi Rujukan Berjaya yang diterima di antara 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022, ABP bagi Orang yang Dirujuk akan ditentukan mengikut 31 Disember 2022.
 - f. Bagi Rujukan Berjaya yang diterima di antara 1 Januari 2023 hingga 31 Mac 2023, ABP bagi Orang yang Dirujuk akan ditentukan mengikut 31 Mac 2023.
- 4.3 Sekiranya Orang yang Dirujuk telah dirujuk oleh lebih daripada seorang Perujuk, Borang Rujukan pertama yang diterima oleh cawangan Bank akan membolehkan Perujuknya berhak mendapat Ganjaran Tunai apabila Rujukan Berjaya.
- 4.4 Tidak terdapat had untuk bilangan rujukan yang boleh dirujuk oleh setiap Perujuk di sepanjang Tempoh Kempen. Dengan melengkapkan dan menyerahkan Borang Rujukan, Perujuk dianggap sebagai mewakili, berjanji dan mengesahkan yang berikut:
- a. Perujuk telah mendapat kebenaran daripada Orang yang Dirujuk untuk menyerahkan nama dan nombor telefonnya kepada Bank bagi tujuan Kempen ini.
 - b. Orang yang Dirujuk tidak membantah untuk dihubungi oleh Bank.
 - c. Perujuk tiada bantahan untuk namanya beliau didedahkan kepada Orang yang Dirujuk, bagi tujuan Kempen ini.
- 4.5 Apabila Orang yang Dirujuk telah memenuhi Klausa 4.2, Perujuk tersebut berhak menerima Hadiah Ganjaran untuk setiap rujukan yang berjaya.
- 4.6 Perujuk yang mengambil bahagian dalam Kempen ini dan layak menerima ganjaran, adalah tidak layak untuk mana-mana promosi yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.7 Semua deposit mestilah dalam bentuk **Dana Baharu sahaja**.

5 Ganjaran

- 5.1 Jumlah ganjaran kos bagi Kempen ini adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Enam Ribu Lapan Ratus (MYR76,800) dan ia akan diberi ganjaran berdasarkan **Siapa Cepat Dia Dapat**.
- 5.2 Sekiranya terdapat beberapa rujukan di bawah satu Borang Rujukan, Perujuk adalah dibenarkan untuk memilih Satu (1) pilihan ganjaran bagi setiap Rujukan Berjaya dengan menyatakan pilihan ganjaran di dalam Borang Rujukan.
- 5.3 Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah ganjaran ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Perujuk akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 5.4 Sekiranya Perujuk memilih Y3.3 iPerEspresso Machine, pemenuhan hadiah akan tertakhluk kepada:
- a. Ganjaran akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang dinyatakan di dalam Borang Rujukan dalam tempoh Sembilan Puluh (90) hari bekerja dari tarikh Tempoh Kempen tamat.

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

- b. Sekiranya mana-mana Hadiah ganjaran tidak dituntut selepas Dua (2) minggu atau setelah Dua (2) percubaan penghantaran gagal, mana yang berlaku terdahulu, Perujuk mesti secara peribadi mengumpulkan ganjaran di alamat yang dinyatakan pada pemberitahuan kurier yang dihantar kepada Perujuk. Jika tidak, caj penghantaran untuk ganjaran haruslah dibayar oleh Perujuk seperti yang dinyatakan di klausa 5.9 dibawah.
 - c. Sebarang ganjaran yang tidak dituntut Enam (6) minggu selepas tarikh penghantaran awal akan dilucutkan. Pelanggan yang Layak yang ganjarannya telah dilucutkan tidak berhak mendapat pembayaran atau pampasan tanpa mengira sebab untuk tidak menuntut hadiah.
 - d. Ilyy bukanlah peserta mahupun penaja bagi Kempen ini.
 - e. Ganjaran tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Ganjaran yang dipaparkan di laman web promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
 - f. Pemenuhan dan penghantaran ganjaran diuruskan oleh Cedro Sdn Bhd alamat berdaftar di Lot G35, Ground Floor, Petronas Twin Tower, Kuala Lumpur City Centre, Jalan Ampang, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia. Dengan menyertai Kempen ini, Perujuk bersetuju dan memberi keizinan supaya maklumat peribadi mereka iaitu nama, nombor telefon dan alamat surat-menyurat mereka diberikan kepada Cedro Sdn Bhd untuk tujuan penghantaran hadiah.
 - g. Apabila menerima ganjaran tersebut, Perujuk hendaklah membuat pemeriksaan dan menentukan kualiti ganjaran tersebut. Perujuk perlu berurusan secara langsung dengan pengilang atau Cedro Sdn Bhd untuk sebarang ganjaran yang akan diganti disebabkan oleh kerosakan atau kecacatan melalui panggilan telefon dengan pengilang atau penjual melalui emel kepada finance@cedro.asia dalam masa Empat Puluh Lapan (48) jam daripada penerimaan ganjaran.
 - h. Perujuk bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos penghantaran, caj perkhidmatan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk penghantaran kali kedua. Bank hanya bertanggungjawab untuk kos penghantaran, caj perkhidmatan, kos sampingan dan/atau caj lain yang berkaitan dengan hadiah untuk perhantaran kali pertama sahaja.
 - i. Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahannya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.
- 5.5 Sekiranya Perujuk memilih Ganjaran Tunai, pemenuhan Ganjaran Tunai akan tertakhluk kepada:
- a. Perujuk yang mengambil bahagian dalam Kempen ini akan menerima Ganjaran Tunai sekiranya Perujuk mengisi dengan lengkap dan menandatangani Borang Pengisian Kempen. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan/semasa Perujuk yang aktif dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja selepas tempoh Kempen berakhir.
 - b. Perujuk akan menerima satu pemberitahuan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) apabila Ganjaran Tunai telah dikreditkan ke dalam akaun mereka oleh Bank. Ganjaran Tunai yang dikreditkan juga akan dicerminkan di dalam penyata akaun Perujuk yang dikeluarkan selepas Ganjaran Tunai dikreditkan.

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

- c. Pada masa pengkreditan Ganjaran Tunai ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan Perujuk dikekalkan dengan Bank, semua akaun mereka dengan Bank MESTILAH berada dalam kedudukan baik seperti yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya (iaitu, ia HENDAKLAH TIDAK melanggar mana-mana Terma dan Syarat Umum Akaun dan Perkhidmatan, dan/atau menjadi tidak sah atau terbatal), jika sebaliknya, Ganjaran Tunai akan dinyahhakkan.
- d. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Perujuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke dalam mana-mana akaun lain kepunyaan Perujuk.

6 Kehilangan Kelayakan

- 6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Perujuk daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
 - (a) Perujuk tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - (b) Perujuk tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.
- 6.2 Semua kakitangan jualan yang tag di bawah Agihan Runcit, Segmen Pengguna dan Analysis Runcit adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

7 Liabiliti

- 7.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

8 Umum

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum yang terdapat melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan anda dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda terhadap terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum.

- 8.1 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 8.2 Bank berhak, pada bila-bila masa, menurut budi bicaranya, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.3 Bank berhak, menurut budi bicaranya, untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.4 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.

Terma dan syarat
Kempen Ahli Dapatkan Ahli FY23 Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (Okt 22 – Mac 23)
(AmSPB Kempen Ahli Dapatkan Ahli Okt 22 – Mac 23)
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 – 31 Mac 2023

- 8.5 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana ahli AmSPB yang layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
- (a) Perujuk tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau salah dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
 - (b) Perujuk tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat di dalam ini.
- 8.6 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.7 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Perujuk dan Orang yang Dirujuk yang mengambil bahagian.
- 8.8 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkar berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 8.9 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 8.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa maksud yang sama.
- 8.11 Ahli AmSPB yang layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 8.12 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Perujuk boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com .